

Dr Khairul Nizar Ismail

Ruangan MyUniMAP kali ini memaparkan seorang Dekan yang mengetuai sebuah pusat pengajian yang baru ditubuhkan pada Januari 2006 iaitu Dr Khairul Nizar Ismail. Beliau kini bertugas sebagai Dekan dan pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar yang beroperasi di Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3 atau lebih dikenali sebagai Kilang Dragon & Pheonix.

Dilahirkan pada tahun 1970 dan merupakan anak sulung daripada empat adik-beradik. Anak kepada pesara tentera ini dilahirkan di Alor Star, Kedah. Beliau telah dikurniakan 3 orang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan isteri beliau, Wan Eliza Wan Mohamed Noor yang merupakan seorang guru di SMK Perlis. Mengemari sukan lasak, badminton dan squash serta mempunyai hobi memancing ikan. Dr Khairul Nizar Ismail dibesarkan 'ala tentera' di kem tentera dan sering berpindah rendah berikutan tugas bapanya sebagai anggota tentera. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Mahmud, Keluang Johor dan Sekolah Kebangsaan Desa Pahlawan, Kelantan. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Sains Machang, Kelantan pada 1983.

Berbekalkan dengan keputusan SPM dan Matrikulasi, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam program Sarjana Muda Perumahan, Bangunan & Perancangan pengkhususan dalam bidang Kejuruteraan Bangunan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1989. Beliau seterusnya berkhidmat dengan firma perunding kejuruteraan iaitu Mustafa, Wong & Rakan-Rakan Sdn. Bhd yang beribu pejabat di Pulau Pinang. Sepanjang 5 tahun berkhidmat dengan firma ini, beliau terlibat dalam merekabentuk dan menyelia projek-projek pembinaan terutamanya dari sudut mekanikal dan elektrik. Beliau pernah terlibat dalam projek-projek pembinaan seperti Stadium Negeri Batu Kawan, Pustaka Warisan Seni, Langkawi International Shooting Range (LISRAM), PUSPAKOM dan KEDA. Pada masa yang sama, beliau turut berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Teknologi Bangunan pada tahun 1996 di Universiti Sains Malaysia. Minat beliau dalam bidang pendidikan dan penyelidikan telah mendorong beliau untuk memperolehi biasiswa 'National Science Fellowship' (NSF) tajaan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah doktor falsafah. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang bahan binaan pada konvokesyen ke-35 USM pada Ogos 2006. Kol Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin merupakan salah seorang daripada penyelia beliau semasa menyambung pengajian di peringkat kedoktoran.

Kerjaya beliau di UniMAP bermula pada 5 Mac 2003 dengan menjawat jawatan pensyarah dan Pengerusi Rancangan Program Metalurgi di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Beliau terlibat dalam membangunkan pusat pengajian terutamanya dari sudut fizikal dan pembangunan makmal-makmal. Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Dekan, PPK Bahan pada Mei 2003. Berdasarkan pengalaman beliau di PPK Bahan, beliau telah diberi kepercayaan oleh pihak universiti untuk membangunkan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar pada Januari 2006 dan beliau telah dilantik sebagai Dekan pertama pusat pengajian tersebut. Disiplin diri dan menepati masa adalah merupakan prinsip hidup beliau. Aspek disiplin ketenteraan yang diperolehi beliau semasa mengikuti pasukan PALAPES pada tahun 1992 telah banyak membantu beliau dalam kehidupan. Bersabar dalam tugas, tenang dan merendah diri adalah sifat yang terserlah pada diri Dr Khairul Nizar. Beliau percaya kerjasama berkumpulan adalah satu teras penting dalam sesuatu organisasi dan aspek inilah yang telah beliau terapkan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Semua kakitangan pusat pengajian merupakan satu keluarga besar kerana masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab. Kerjasama berkumpulan akan wujud apabila kita saling menghormati dan membantu antara satu sama lain tanpa mengira pangkat, usia atau agama. Beliau percaya "Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh." Beliau berazam untuk menjadikan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar sebagai sebuah pusat pengajian yang disegani suatu hari nanti.

